

# Calon UPSR SK Ranca-Ranca ikuti program motivasi

UB 28.7.2019 B1

LABUAN: Sekolah Kebangsaan Ranca-Ranca (Sekolah Kluster Kecemerlangan) telah mengadakan Program Motivasi Ibu Bapa dan Murid Tahun 6 'Ibu Bapa Hebat, Murid Cemerlang' di Dewan Kuliah Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL).

Seramai 42 murid calon UPSR bersama ibu bapa masing-masing dan guru-guru SK Ranca-Ranca menyertai program itu.

Penceramah jemputan program motivasi ialah Hendri Hamsah yang merupakan perunding latihan berpengalaman dalam bidang ceramah dan motivasi.

Beliau mempunyai

kemahiran dalam penyampaian yang mendekati para peserta program secara santai tetapi penuh dengan tuntutan rohani.


Program itu merupakan kesinambungan program tahunan yang telah dirancang bagimengukuhkan keyakinan diri, memberi kesedaran dan memantapkan persediaan mental dan fizikal murid-murid sebelum menghadapi UPSR pada September depan.

Selain itu, objektif program itu adalah untuk memberi pendedahan kepada semua ibu bapa dalam menangani masalah dan isu yang berkaitan anak mereka di saat-saat akhir sebelum bermulanya UPSR.

Guru Besar SK Ranca-Ranca Norinnie Kassim dalam ucapannya berharap agar program itu dapat memberi impak kepada semua ibu bapa dan murid yang menyertainya.

Beliau juga berharap melalui perkongsian ilmu dan pengalaman, penceramah akan dapat membantu para ibu bapa dan penjaga serta murid Tahun 6 dalam membina kesediaan mental, emosi dan fizikal untuk menempuh peperiksaan UPSR yang bakal tiba.

Beliau mengucapkan terima kasih di atas kehadiran ibu bapa dalam menyertai Program Motivasi Ibu Bapa dan Murid Tahun 6 'Ibu Bapa Hebat, Murid Cemerlang'.



**HENDRI (barisan ketiga, lima kiri) dan Norinnie bergambar bersama ibu bapa, murid dan guru yang menyertai program itu.**